

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, August 15, 2017 10:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Rahayu Binti Ahmad
Subject: P2A JOURNEY-ON-CAMPUS RANGSIT UNIVERSITY BANGKOK, THAILAND



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

22 Zulkaedah 1438H bersamaan 15 Ogos 2017

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على من رزقهم الله وبن كائن

P2A JOURNEY-ON-CAMPUS RANGSIT UNIVERSITY BANGKOK, THAILAND

Seramai lima orang pelajar UUM telah mengikuti program mobiliti tidak berkredit, Passage to ASEAN (P2A) bertemakan Journey-On-Campus yang telah diadakan di Rangsit University, Bangkok, Thailand pada 5 – 8 OGOS 2017. Dua orang pelajar dari UUM CAS iaitu Muhd Saiful Mu'in bin Zainal Arifin (232714), Nur Atikah binti Aziz (233814) dan dua orang pelajar pula dari UUM COB iaitu Nur Yusra Afifah binti Nasharudin (227266), Muhamad Norahiman bin Rahim (226038) dan Muhammad Hamzah bin Ismail (232402).



Program ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar ASEAN mengenali budaya tempatan Thailand dan mewujudkan jalinan rangkaian antara pelajar dan pensyarah dari negara-negara ASEAN iaitu Cambodia, Vietnam, Indonesia dan Myanmar. Satu slot perbincangan Beyond Perception yang diadakan telah memberi peluang kepada peserta untuk memberi persoalan dan pandangan mengenai negara Thailand dan secara tidak langsung membolehkan peserta menetapkan pendirian mereka terhadap isu berbangkit.

Selain itu, setiap peserta berasa kagum dengan adanya pameran perjalanan P2A pelajar Rangsit University menjelajah ke negara ASEAN serta mengetengahkan budaya dan keunikan tempat-tempat lawatan. Peserta juga dikehendaki untuk membuat persembahan yang mewakili negara masing-masing iaitu tarian kebudayaan, peragaan pakaian tradisi dan pemberian cenderahati sebagai tanda penghargaan. Pelajar sekolah tempatan berasa gembira

tatkala dapat belajar bahasa Melayu bersama pelajar UUM dalam sesi khidmat masyarakat. Pelajar UUM merasa bertuah kerana diberi peluang mewakili UUM ke pertemuan P2A. Selain daripada mendapat kenalan baharu daripada pelbagai negara, mereka juga berpeluang untuk meneroka kepelbagaian budaya dan keunikan yang ada di Thailand. Penyertaan UUM yang berterusan dalam program P2A di masa hadapan dapat mengeratkan rangkaian universiti-universiti ASEAN.

Sekian.

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas
=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.